# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

27 April 2022
*27 April 2022*
P.U. (A) 136

## PERATURAN-PERATURAN FRANCAIS (KELAYAKAN BROKER FRANCAIS) (PINDAAN) 2022

## *FRANCHISE (QUALIFICATIONS OF A FRANCHISE BROKER)(AMENDMENT) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA FRANCAIS 1998

PERATURAN-PERATURAN FRANCAIS
(KELAYAKAN BROKER FRANCAIS) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 14(2) Akta Francais 1998 [*Akta 590*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Francais (Kelayakan Broker Francais) (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 April 2022.

**Pindaan tajuk**

2. Peraturan-Peraturan Francais (Kelayakan Broker Francais) 1999 [*P.U. (A) 423/1999*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam tajuk dengan memasukkan selepas perkataan "Broker Francais" perkataan "atau Konsultan Francais".

**Peraturan baharu 1A**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 1 peraturan yang berikut:

"**Tafsiran**

1A. Dalam Peraturan-peraturan ini—

"kursus francais" ertinya kursus yang dianjurkan oleh Akademi Perbadanan Nasional Bhd atau apa-apa kursus francais lain yang diiktiraf oleh Pendaftar Francais;

"ijazah sarjana muda" ertinya apa-apa ijazah dalam bidang yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia;

"diploma" ertinya apa-apa diploma dalam bidang yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia.".

**Pindaan peraturan 2**

4. Peraturan 2 dalam Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

*(a)* dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "**broker francais**" perkataan "**atau konsultan francais**";

*(b)* dalam subperaturan (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "broker francais" perkataan "atau konsultan francais";

(ii) di hujung perenggan *(a)*, dengan memotong perkataan "dan";

(iii) dalam subperenggan *(b)*(iii)—

(A) dengan menggantikan perkataan "selama tidak kurang daripada 10 tahun" dengan perkataan "selama tidak kurang 20 tahun, dengan 10 tahun pengalaman di peringkat eksekutif"; dan

(B) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan *(b)*(iii) dengan perkataan "; dan"; dan

(iv) dengan memasukkan selepas perenggan *(b)*, perenggan yang berikut:

"*(c)* telah menghadiri kursus francais di peringkat nasional atau antarabangsa sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar.".

*(c)* dalam subperaturan (2)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “broker francais” perkataan “atau konsultan francais”; dan

(ii) dengan menggantikan perenggan *(b)* dengan perenggan yang berikut:

“*(b)* terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang ahli Lembaga Pengarah yang merupakan broker francais atau konsultan francais yang berdaftar di bawah Akta.”.

Dibuat 22 April 2022
[SKM.IP.(SULIT)KP: 3473B/1/3; PN(PU2)603/III]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

FRANCHISE ACT 1998

FRANCHISE (QUALIFICATIONS OF A FRANCHISE BROKER) (AMENDMENT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 14(2) of the Franchise Act 1998 [*Act 590*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Franchise (Qualifications of a Franchise Broker) (Amendment) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 28 April 2022.

**Amendment of title**

2. The Franchise (Qualifications of A Franchise Broker) Regulations 1999 [*P.U. (A) 423/1999*], which are referred to as "principal Regulations" in these Regulations, are amended in the title by inserting after the words "Franchise Broker" the words "or Franchise Consultant".

**New regulation 1A**

3. The principal Regulations is amended by inserting after regulation 1 the following regulation:

"**Interpretation**

1A. In these Regulations—

"franchise course" means a course organized by Akademi Perbadanan Nasional Bhd or any other franchise course recognized by the Registrar of Franchises;

"bachelor degree" means any bachelor degree certificate recognized by Malaysia Qualification Agency;

"diploma" means any diploma certificate recognized by Malaysia Qualification Agency.".

**Amendment of regulation 2**

4. Regulation 2 of the principal Regulations is amended—

*(a)* in the shoulder note, by inserting after the words "**franchise broker**" the words "**or franchise consultant**";

*(b)* in subregulation (1)—

(i) by inserting after the words "franchise broker" the words "or franchise consultant";

(ii) at the end of paragraph *(a)*, by deleting the word "and";

(iii) in subparagraph *(b)*(iii)—

(A) by substituting for the words "for not less than 10 years" with the words "for not less than 20 years, with 10 years of experience in the executive level"; and

(B) by substituting for the full stop at the end of subparagraph *(b)*(iii) with the words "; and"; and

(iv) by inserting after paragraph *(b)*, the following paragraph as follows:

"*(c)* have attended franchise course at the national or international level as directed by the Registrar.".

*(c)* in subregulation (2)—

(i) by inserting after the words "franchise broker" the words "or franchise consultant"; and

(ii) by substituting for paragraph *(b)* the following paragraph:

"*(b)* consist of at least a member of a Board of Director who is a franchise broker or a franchise consultant registered under the Act.".

Made 22 April 2022
[SKM.IP.(SULIT)KP: 3473B/1/3; PN(PU2)603/III]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
*Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs*